

USIM tubuh Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina



Kompleks Fakulti Sains dan Teknologi USIM yang akan turut menempatkan secara sementara Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina USIM.
[FOTO IHSAN USIM]

dang profesional.

“Usaha awal penubuhan fakulti ini ialah dengan pengambilan kumpulan pertama pelajar Sarjana Muda Sains Seni Bina pada tahun 2012, diikuti Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik) pada tahun 2013,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Zulkifli berkata, fakulti baharu itu akan beroperasi sementara di bangunan Fakulti Sains dan Teknologi dengan menggunakan kemudahan pembelajaran serta pengajaran yang terdapat di situ.

“Beberapa program akan ditambah termasuk di peringkat prasiswazah iaitu Sarjana Muda Ukur Bahan dengan Kepujian dan pascasiswazah iaitu Sarjana Sains Kejuruteraan dan Doktor Falsafah Kejuruteraan,” katanya.

Beliau berkata, pada Konvokesyen USIM Ke-13 pada November lalu, seramai 10 graduan Sarjana Muda Sains Seni Bina menerima ijazah masing-masing.

Bandar Baru Nilai: Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, kini menjadi fakulti kesembilan ditubuhkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof Dr Zulkifli Abd Ghani, berkata Kementerian

Pendidikan Tinggi meluluskan penubuhan fakulti itu pada 10 Disember lalu.

Tawar dua program

Katanya, fakulti itu menawarkan dua program sedia ada iaitu Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian dan Sar-

jana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian yang sebelum itu diletakkan di bawah Fakulti Sains dan Teknologi.

“Fakulti ini secara langsung akan membuka peluang baharu kepada pelajar lepasan sekolah agama untuk melanjutkan pengajian dalam bi-